



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 25 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	872 GANGGUAN SEKSUAL DIREKODKAN		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/872-gangguan-seksual-direkodkan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/24/kes-gangguan-seksual-membimbangkan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1322081/nancy-sexual-harassment-cases-rise-106pct-nationwide-872	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	'HARI INI, SUARAKU'... BAWA MESEJ SUARA ANAK-ANAK PERLU DIRAI, DIHORMATI DAN DIANGKAT		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/11/24/hari-ini-suaraku-bawa-mesej-suara-anak-anak-perlu-dirai-dihormati-dan-diangkat/	UMNO-ONLINE.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/24/krishh-haran-terima-anugerah-khas-kanak-kanak-2025-rekod-sebagai-penyumbang-termuda/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	JKM SALUR PELBAGAI BANTUAN MAKANAN, KELENGKAPAN ASAS DI PPS SELURUH NEGARA		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1291612/jkm-salur-pelbagai-bantuan-makanan-kelengkapan-asas-di-pps-seluruh-negara	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	TUBUHKAN NGO KHUSUS JAGA HAK DAN KEPENTINGAN KAUM LELAKI		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2494354	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	PENDIDIKAN SEKS BERMULA DARI RUMAH		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/757875/suara-sinar/lidah-pengarang/pendidikan-seks-bermula-dari-rumah	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	'SELAGI BERNYAWA, SAYA TAKKAN BENARKAN AMIRA TANGGUNG DERITA SEORANG DIRI'		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/11/1291741/selagi-bernyawa-saya-takkan-benarkan-amira-tanggung-derita-seorang-diri	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	MANGSA BANJIR DI 7 NEGERI MENINGKAT LEBIH 11,700		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/mangsa-banjir-di-7-negeri-meningkat-lebih-11700/	BULETINTV3.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/761627	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2494629	BERNAMA.COM	
	https://focusmalaysia.my/seven-states-hit-as-national-flood-victim-count-rises-above-11700/	FOCUSMALAYSIA.MY	
	https://theedgemalaysia.com/node/782433	THEEDGEMALAYSIA.COM	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116022/kuala-lumpur-also-hit-by-floods-nearly-14000-victims-nationwide	THEVIBES.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/24/floods-number-of-victims-rises-with-over-12000-evacuated-across-eight-states	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	SPRM SYOR PENAMBAHBAIKAN TATAKELOLA JKM TERENGGANU		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2494609	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php/world/news.php?id=2494610	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/macc-proposes-12-governance-reforms-for-terengganu-welfare-department/	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	BUNUH, LIWAT BAYI 9 BULAN: 'KAU BINATANG BUKAN MANUSIA'		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/24/kau-binatang-bukan-manusia/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757960/berita/semasa/air-mani-di-dubur-bayi-semilan-bulan---suami-pengasuh-dijel-30-tahun-13-sebatan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/757979/berita/semasa/saya-gagal-lindungi-darah-daging-sendiri---ibu-bayi-diliwat-suami-pengasuh	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/24/man-jailed-30-years-given-13-strokes-for-murder-rape-of-baby	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://ohbulan.com/lelaki-dipenjara-30-tahun-kes-bunh-liwat-bayi-9-bulan/	OHBULAN.COM	
	https://gempak.com/berita/air-mani-di-dubur-bayi-semilan-bulan-suami-pengasuh-dijel-30-tahun-13-sebatan	GEMPAK.COM	
	https://lobakmerah.com/pakar-forensik-dakwa-ada-air-mni-milik-suami-pengasuh-pada-bahagian-sulit-bayi-9-bulan/	LOBAKMERAH.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	BEKAS JURULATIH WUSYU MENGAKU TAK SALAH AMANG SEKSUAL 2 REMAJA PEREMPUAN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1475811/bekas-jurulatih-wusyu-mengaku-tak-salah-amang-seksual-2-remaja	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/jurulatih-wushu-negara-tak-mengaku-amang-seksual-pelatih/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/761559	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/24/jurulatih-wushu-negara-nafi-amang-seksual-pelatih/	KOSMO.COM.MY	
	https://bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=2494450	BERNAMA.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/24/bekas-jurulatih-wusyu-negara-mengaku-tak-salah-amang-seksual-remaja	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=PpiguSNHhDA	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	JURUTEKNIK DIPERINTAH BELA DIRI TUNJUK 'ANU' PADA PELAJAR SEKOLAH		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/757939/berita/semasa/juruteknik-diperintah-bela-diri-tunjuk-anu-pada-pelajar-sekolah	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



872 gangguan seksual direkodkan



NANCY Shukri menyerahkan notis sifar keganasan kepada agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) sempena Program Toleransi Sifar Keganasan Langkawi di Resort World Langkawi, Langkawi.

Oleh MEDIA MULIA 24 November 2025, 3:54 pm

LANGKAWI: Sebanyak 872 kes gangguan seksual direkodkan di negara ini sehingga Oktober lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, statistik diberikan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu menunjukkan peningkatan membimbangkan.

"Pada 2022, sebanyak 477 kes gangguan seksual telah direkodkan. Jumlah ini meningkat kepada 522 kes dua tahun kemudian dan melonjak lagi kepada 788 kes tahun lalu," katanya dalam sidang akhbar Program Toleransi Sifar Keganasan Langkawi di sini, hari ini.

Menurutnya lagi, sebanyak 1,889 kes rogol dilaporkan pada 2024, dan 1,571 dilaporkan sehingga Oktober tahun ini.

"Sebanyak 6,245 kes keganasan rumah tangga pula dicatatkan pada tahun ini sehingga Oktober berbanding 7,116 kes tahun lalu," katanya.

Nancy berkata, Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS) yang diwujudkan kerajaan merekodkan 63 aduan sehingga 18 September lalu, dengan 44 kes gangguan seksual berjaya diselesaikan. – [UTUSAN](#)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Hari Ini, Suaraku'... Bawa Mesej Suara Anak-Anak Perlu Dirai, Dihormati Dan Diangkat

24 November 2025

Berita Utama

KUALA LUMPUR, 24 Nov – Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 yang bertemakan 'Hari Ini, Suaraku' membawa mesej bahawa suara anak-anak perlu diraikan, dihormati dan diangkat sebagai sebahagian daripada pembentukan masa hadapan negara.

Timbalan Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad menerusi hantaran di laman Facebooknya memaklumkan beliau telah hadir ke Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Hari ini, saya berpeluang menghadiri Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 yang dianjurkan oleh KPWK bersama JKJ. Majlis yang menghimpunkan hampir lebih 1,000 orang kanak-kanak dari seluruh negara ini telah disempurnakan oleh Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

"Tahun ini, sambutan bertemakan 'Hari Ini, Suaraku'. Tema ini terasa sangat dekat di hati. Ia membawa mesej bahawa suara anak-anak ini bukan sekadar didengar, tetapi diraikan, dihormati dan diangkat sebagai sebahagian daripada pembentukan masa hadapan negara," katanya menerusi hantaran di laman Facebooknya.

Bellau yang juga Ketua Wanita UMNO memaklumkan bahawa Program Advokasi Kanak-Kanak telah diiktiraf oleh The Malaysia Book of Records sebagai 'The Largest Child Protection Advocacy Programme'.

"Salah satu detik paling membanggakan ialah apabila Program Advokasi Kanak-Kanak telah diiktiraf oleh The Malaysia Book of Records sebagai 'The Largest Child Protection Advocacy Programme' dengan penyertaan 128,148 kanak-kanak.

"Pengiktirafan sebesar ini menjadi bukti komitmen berterusan KPWK dalam memastikan perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak berada pada tahap tertinggi.

"Majlis hari ini menyaksikan penganugerahan tujuh kategori penghargaan, bukan hanya kepada kanak-kanak cemerlang tetapi juga NGO yang banyak berbakat dalam pembangunan kanak-kanak.

"Saya masih terbayang wajah penuh bangga adik Mohamad Amirul Asyraf bin Khairul Azahar, penerima Pingat Hang Tuah 2025 yang menunjukkan keberanian luar biasa dalam situasi kecemasan. Saat namanya diumumkan, seluruh stadium berdiri memberi tepukan penghargaan," katanya lagi.



Mengulas lanjut beliau berkata Anugerah Gemilang dan Anugerah Khas untuk kanak-kanak berkeperluan khas (OKU) juga telah disampaikan.

"Turut disampaikan ialah Anugerah Gemilang dan Anugerah Khas yang mengiktiraf pencapaian cemerlang kanak-kanak dalam bidang akademik, sukan, seni, kebudayaan serta pencapaian luar biasa oleh kanak-kanak berkeperluan khas (OKU). Tahnilah dan syabas diluapkan kepada para penerima anugerah.

"Hadir sama Datuk Dr Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, Datuk Che Murad Sayang Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YM Raja Tan Sri Datuk Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Daniel Haqem Darul Hafiz, Pengerusi Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK) dan para pegawai jabatan serta agensi," katanya lagi. – UMNO Online.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM salur pelbagai bantuan makanan, kelengkapan asas di PPS seluruh negara

Nuratikah Athilya Hassan
nuratikah@bh.com.my



GAMBAR HIASAN

Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyalurkan pelbagai bentuk bantuan makanan kepada mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di seluruh negara mengikut keperluan dan situasi semasa.

Menurut kenyataan yang dikongsi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), bantuan di Kelantan merangkumi bekalan bahan mentah basah dan kering bagi pelaksanaan gotong-royong memasak di PPS, selain kelengkapan asas keperluan bencana.

"Sementara itu, di Terengganu, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis, JKM menyediakan pek makanan siap kepada mangsa, termasuk mengagihkan kelengkapan asas bencana mengikut keperluan semasa.

"JKM turut menyalurkan bantuan tambahan seperti keperluan wanita, susu bayi, lampin pakai buang bayi dan dewasa serta barangan lain mengikut situasi di PPS," katanya menerusi hantaran di Facebook, hari ini.

Pada masa sama, JKM juga sudah mengaktifkan lokasi penyimpanan makanan dan keperluan di negeri terjejas bagi memastikan kelancaran operasi logistik.

"Di Terengganu, bekalan ditempatkan di Depoh Marang, Stor Daerah Besut, Pangkalan Hadapan Besut dan Pulau Redang manakala di Kelantan, simpanan dibuat di Depoh Pengkalan Chepa, stor daerah dan pangkalan hadapan daerah.

"Kedah pula menggunakan stor JKM daerah dan pangkalan hadapan, Pulau Pinang mengoperasikan Stor JKM Seberang Perai Utara serta pangkalan hadapan, manakala Perlis mengaktifkan Stor JKM Negeri sebagai pusat agihan utama," jelas kenyataan itu.

Tambahnya, bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan bantuan, JKM turut melantik pengurus PPS di setiap lokasi bagi memastikan pemantauan rapi terhadap kecukupan bekalan dan keperluan mangsa.

Pada masa sama, kerjasama turut dijalankan bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) melalui penyewaan lori bagi mempercepatkan penghantaran barangan keperluan bencana ke PPS terbabit

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TINTA MINDA

Tubuhkan NGO Khusus Jaga Hak Dan Kepentingan Kaum Lelaki



24/11/2025 10:30 AM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang



Oleh :
Prof Madya Dr Muzaffar Syah Mallow

Hari Lelaki Sedunia disambut pada 19 November lepas. Ia bagi menghargai segala peranan dan sumbangan yang diberikan oleh kaum lelaki.

Dalam meraikan Hari Lelaki Sedunia ini, sudah sampai masanya sebuah badan bukan kerajaan (NGO) khusus yang menjaga hak dan kepentingan kaum lelaki ditubuhkan dalam negara kita.

Kebanyakan NGO libat wanita sahaja

Kebanyakan NGO yang ada dalam negara kita adalah melibatkan kaum wanita sahaja. Nama NGO yang sudah wujud dalam negara kita ini juga menggunakan nama kaum wanita sahaja.

Walaupun NGO ini sering menyatakan mereka turut memperjuangkan hak lelaki, namun hakikatnya mereka lebih mengutamakan kaum wanita dalam menjalankan segala aktiviti dan program NGO mereka.

Oleh yang demikian, adalah penting supaya negara kita turut mewujudkan NGO khusus yang boleh membantu kaum lelaki dalam negara kita dengan menggunakan nama lelaki.

Keganasan rumah tangga terhadap lelaki

Baru-baru ini, kita telah didedahkan dengan isu melibatkan keganasan rumah tangga melibatkan mangsa kaum lelaki.

"Air mata lelaki jarang kelihatan, tetapi luka di hati mereka kadang sangat dalam." Itulah kata Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, yang menegaskan bahawa golongan lelaki juga tidak terlepas menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Dr Noraini berkata, isu lelaki sebagai mangsa penderaan lebih mencabar kerana ramai daripada mereka enggan tampil membuat aduan akibat rasa malu, takut dan bimbang dipandang rendah.

Statistik PDRM kes keganasan rumah tangga terhadap lelaki

Statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 1,778 kes keganasan rumah tangga pada 2022 membabitkan mangsa lelaki, diikuti 1,223 kes (2023), 1,865 kes (2024) dan 1,183 kes direkodkan sehingga Julai tahun ini.

Kes yang melibatkan keganasan rumah tangga merupakan masalah yang hangat diperkatakan sejak akhir-akhir ini dan dilihat menjadi semakin serius pada masa kini akibat daripada faktor semasa seperti peningkatan kos sara hidup serta kemunculan pelbagai jenis media sosial baharu.

Perlu diingatkan bahawa isu keganasan dalam sesebuah rumah tangga tidak boleh dipandang ringan kerana ia akan membawa impak bukan sahaja terhadap mangsa malahan akan memberi impak kepada seluruh anggota ahli keluarga terbabit seperti kanak-kanak serta saudara-mara terdekat.

Kesan terhadap prestasi mangsa di tempat kerja

Ia juga boleh memberi kesan buruk terhadap prestasi mangsa ditempat kerja kerana terpaksa memikul kesan keganasan yang dialami sehingga menjejaskan tumpuan serta fokus mereka ditempat kerja.

Walaupun isu keganasan rumah tangga banyak melibatkan mangsa kaum wanita iaitu isteri, namun tidak dapat dinafikan, kaum lelaki ataupun suami juga boleh melalui perkara yang sama.

Namun, atas faktor tanggapan masyarakat umum yang sentiasa menganggap kaum lelaki sebagai kuat dari segi fizikal, mental dan emosi menyebabkan tiada mangsa dari golongan lelaki atau suami yang tampil berani untuk membuat sebarang laporan atau aduan.

Perkara terbabit selalunya akan dipendam atau dibiarkan berlalu tanpa disusuli dengan sebarang tindakan proaktif.

Jika ini dibiarkan berlaku, akan sampai satu ketika, perasaan tidak puas hati yang dipendam terbabit akan meletup sehingga boleh membawa risiko bahaya terhadap diri mangsa serta orang sekeliling.

Walaupun, peratusan tinggi mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga adalah kaum wanita atau isteri, namun seperti yang telah dinyatakan serta dilaporkan, mangsa keganasan rumah tangga juga boleh melibatkan sesiapa sahaja dalam sesebuah keluarga seperti pihak suami, kanak-kanak, warga tua, atau mana-mana ahli keluarga yang lain.

Penting agensi atau NGO diwujudkan

Adalah penting sebuah agensi atau NGO diwujudkan dalam negara kita khusus yang boleh menjaga hak dan kepentingan kaum lelaki bagi melindungi hak mereka.

Kewujudan NGO khusus untuk kaum lelaki ini adalah penting supaya mangsa lelaki atau sesiapa pun dapat pergi ke sana untuk mendapatkan khidmat nasihat atau sebarang bentuk bantuan yang boleh diberikan mengikut lunas undang-undang seperti mendapatkan khidmat kaunseling, informasi undang-undang semasa dan lain-lain lagi.

Melalui NGO ini juga sesuatu aktiviti dan program dapat dilaksanakan bagi membangkitkan kesedaran serta memberi pendidikan kepada masyarakat umum mengenai sesuatu isu semasa.

Perlu diingatkan, mana-mana pihak yang ingin menubuhkan sesebuah NGO dalam negara kita perlu melakukannya mengikut segala proses dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri mengikut segala peruntukkan undang-undang yang telah ditetapkan melalui Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] dan lain-lain peraturan yang berkaitan dengannya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pendidikan seks bermula dari rumah



LIDAH PENGARANG

Follow

24 November 2025 07:30am



Pendidikan yang sebenar bermula dari rumah. Ibu bapa ialah individu pertama yang anak percaya dan rujuk.

DALAM masyarakat kita terutama dalam kalangan orang Melayu, topik berkaitan seks masih dianggap sesuatu yang kekok untuk dibincangkan secara terbuka.

Ramai ibu bapa lebih selesa menyerahkan tugas tersebut kepada guru kerana bimbang nampak pelik jika berbual hal sebegini dengan anak-anak.

Oleh kerana perasaan itu, maka ramai kalangan ibu bapa yang memilih untuk tidak menyentuh isu dalaman semasa anak-anak ini menuju usia remaja.

Namun hakikatnya, masalah ini tidak boleh dipandang ringan. Statistik yang dikongsi oleh Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri cukup membuka mata.

Dalam tempoh empat tahun, dari 2020 hingga 2024, sebanyak 17,000 remaja hamil tanpa nikah direkodkan bersamaan purata sembilan kes sehari.

Bayangkan, setiap hari ada sembilan remaja yang terpaksa memikul beban besar seumur hidup kerana kurangnya pendedahan berkenaan kesan dan akibat aktiviti seksual tidak terbatas ini.

Disebabkan itu, kerajaan melalui kementerian terbabit mula memperkenalkan pelbagai langkah termasuk menyediakan pendidikan seks di sekolah dan melibatkan komuniti untuk bantu mendidik remaja tentang keselamatan diri dan batas pergaulan. Walaupun begitu, peranan sekolah hanyalah sebahagian.

Pendidikan yang sebenar bermula dari rumah. Ibu bapa ialah individu pertama yang anak percaya dan rujuk. Mereka patut menjadi orang yang menerangkan tentang perubahan tubuh, emosi dan batas hubungan antara lelaki dan perempuan.

Abang atau kakak yang rapat dengan adik-adik juga boleh membantu, kerana kadang-kadang anak lebih mudah bertanya kepada ahli keluarga yang mereka selesa atau rapat.

Di era digital ini, cabaran semakin kompleks kerana remaja mudah terdedah kepada pelbagai maklumat lucah di media sosial, yang menjadi salah satu punca utama kepada kejatuhan moral generasi masa kini. Inilah pengaruh sebenar kepada gejala remaja hamil sebelum waktunya.

Secara ringkasnya, pendidikan seks bukan tentang mengajar remaja melakukan perkara yang melanggar nilai agama. Tujuan utamanya ialah membantu mereka mengenali diri, memahami perubahan tubuh dan menjaga maruah diri.

Jika rumah menjadi tempat pertama anak belajar tentang hal ini, dan sekolah pula menyokong dengan ilmu yang seimbang, barulah remaja kita dapat membesar sebagai generasi yang matang, tinggi nilai moral dan bermaruah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Selagi bernyawa, saya takkan benarkan Amira tanggung derita seorang diri'

Redzuan Muharam
redzuan.muharam@metro.com.my



YUSYAIRI Yunus setia mememani isteri, Amira Azhana Hassan yang menderita akibat barah rahim. FOTO Ihsan Amira Azhana Hassan

Gombak: "Walaupun tak ada rezeki dapat zuriat, Allah SWT takdirkan saya jadi penjaga kepada keluarga dan syukur dengan nikmat itu."

Itu kata Amira Azhana Hassan, 35, yang bukan hanya bertahan sebagai pejuang pasangan sedang cuba hamil (TTC) selama 12 tahun, malah turut diuji apabila disahkan menghidap barah rahim tahap satu pada Julai tahun lalu.

Selepas lebih setahun menderita akibat penyakit itu, Amira Azhana mengambil keputusan membuang rahimnya menerusi satu pembedahan pada 14 Ogos lalu.

Menceritakan kisahnya, Amira Azhana dari Taman Harmoni, di sini berkata, sejak awal disahkan menghidap barah, doktor sudah mengesyorkannya membuang rahim kerana kluatir sel barahnya menjadi agresif kemudian merebak ke hati dan paru-paru.

"Awalnya saya tak nak (buang rahim) kerana berusaha nak dapatkan anak, pada mulanya doktor pun berat hati namun bagi saya masa untuk fikir."

"Tapi selepas lebih setahun sakit, saya setuju untuk buang rahim."

"Ikutkan pembedahan itu sepatutnya dijalankan pada 30 Julai lalu kemudian ditangguhkan ke awal Ogos dan akhirnya pertengahan bulan (Ogos)."

"Dulu sedih tapi waktu nak buat pembedahan, saya sudah reda dan fikir mahu hidup gembira saja."

"Tak perlu fikir soal anak lagi dan bila nak mengandung, jadi lebih tenang," katanya kepada Harian Metro.

Berkongsi pengalamannya sebagai pejuang TTC, Amira Azhana mengakui perjalanan itu tidak mudah kerana sangat mencabar dan banyak bermain dengan emosi.

Bagaimanapun, Amira Azhana bersyukur kerana suaminya Yusyairi Yunus, 37, banyak membantu malah sentiasa ada bagi memberi semangat di kala dia berada pada titik terendah.

"Cabaran paling besar bagi pasangan TTC adalah berdepan mulut orang yang tak habis nak mengata dan lebih sakit apabila yang buat begitu adalah orang terdekat."

"Saya pernah dituduh mandul oleh seorang individu dan waktu itu memang tersentak."

"Hakikatnya, saya bukan begitu (mandul) kerana pernah tiga kali hamil."

"Kali pertama bunting pelamin namun gugur dan kedua pada 2017 cuma kandungan hanya bertahan selama lapan minggu."

"April tahun lalu, saya disahkan mengandung lagi namun kandungan hanya bertahan selama 10 minggu sebelum mengalami keguguran."

"Kami tak merancang pun (soal zuriat) kerana daripada awal, kami berdua memang nak anak."

"Ikutkan kami sudah berhabis banyak duit untuk berikhtiar termasuk ambil makanan tambahan, berurut dan menjalani rawatan kesuburan Intrauterine Insemination (IUI) di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) namun semuanya tak berhasil," katanya.

Amira Azhana berkata, selain dipersenda, ada juga individu terdekat pernah mengesyorkan suaminya berkahwin dengan harapan dapat menimang zuriat bersama wanita lain.

"Saya pun pernah tanya dia (suami) nak kahwin lagi atau tak selepas 10 tahun kami berkahwin dan syukur suami masih setia hingga ke hari ini."

"Saya ada kongsikan di TikTok serba sedikit kisah sebagai pejuang TTC dan barah rahim."

"Tak sangka ramai beri kata semangat dan walaupun tiada zuriat, Allah SWT izinkan kami dapat 'anak online' di TikTok."

"Kalau baca komen memang tersentuh semuanya positif dan bila baca seperti anak mengadu dekat emak."

"Ia beri saya satu perasaan yang tak pernah rasa sebelum ini," katanya yang kini membantu menjaga lima anak saudaranya ketika ada kelapangan bagi menumpang kasih dengan mereka.

Sementara itu, suaminya, Yusyairi berkata, selagi bernyawa, dia tidak akan membiarkan isterinya menanggung sendiri ujian berat berkenaan.

"Ketika dia (isteri) disahkan menghidap barah, saya sedih. Depan dia saya nampak kuat, pujuhnya tapi bila bersendirian, saya menangis juga kerana terasa bebannya."

"Sibuk macam mana pun, saya akan temani isteri dan bantu apa yang perlu kerana anggap ia ujian kami bersama malah kesakitan dia rasa, saya juga rasa."

"Allah SWT uji kerana tahu isteri saya mampu dan walaupun tiada zuriat, kami bahagia kerana masih ada anak saudara untuk menumpang kasih malah saya rasa disayangi seperti ayah kandung," katanya yang bekerja sebagai penasihat jualan kereta.

Disiarkan pada: November 24, 2025 @ 8:00pm

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mangsa banjir di 7 negeri meningkat lebih 11,700

🕒 24 November 2025, 4:30pm



Tinjauan dari udara menunjukkan antara kawasan ditenggelami banjir di Selangor, hari ini. – FOTO: NSTP

Oleh: Hamzah Osman

LANGKAWI: Jumlah mangsa banjir di seluruh negara terus meningkat kepada 11,704 orang daripada 4,162 keluarga.

Ia membabitkan tujuh negeri yang terjejas, setakat jam 2 petang tadi.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, negeri terjejas adalah Terengganu, Perak, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Sarawak.

“Hingga kini, sebanyak 75 pusat pemindahan sementara (PPS) beroperasi untuk menempatkan mangsa banjir di tujuh negeri terbabit,” katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Program Toleransi Sifar Keganasan, di sini, hari ini.

Berdasarkan maklumat semasa, beliau berkata, Kelantan merekodkan jumlah mangsa tertinggi dengan 8,919 orang, diikuti Perak (1,277) dan Perlis (423).

Mengulas usaha membantu rakyat Malaysia yang terkandas akibat banjir di Hatyai, Thailand pula, Nancy berkata, kementeriannya turut memantau situasi itu.

“Bantuan sedang disalurkan melalui koordinasi bersama Kementerian Luar,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SPRM Syor Penambahbaikan Tatakelola JKM Terengganu

🕒 24/11/2025 06:00 PM



KUALA TERENGGANU, 24 Nov (Bernama) -- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membentangkan 12 cadangan penambahbaikan tatakelola kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Terengganu berhubung pengurusan Bantuan Membaiki Rumah (BMR).

SPRM Terengganu dalam kenyataan berkata cadangan penambahbaikan yang dibentangkan itu adalah berdasarkan Laporan Penyiasatan Tatakelola berhubung tatacara pengurusan BMR oleh JKM Terengganu pada 2024.

Menurut kenyataan itu, penambahbaikan dicadangkan antaranya adalah menyediakan garis panduan berkaitan pengurusan dan pembayaran BMR, menyediakan borang senarai semak dokumen sokongan BMR, menyediakan surat pemakluman kelulusan permohonan BMR dan menyediakan format surat arahan pembayaran BMR serta borang pengesahan aakuan siap kerja.

Kesemua syor berkenaan telah dibentangkan oleh Pengarah SPRM Terengganu Hazrul Shazreen Abd Yazid kepada Pengarah JKM Terengganu Mazura Ngah Abd Manan pada Majlis Menandatangani Persetujuan Cadangan Penambahbaikan Tatakelola di Bilik Mesyuarat Utama SPRM Terengganu di sini hari ini.

Sementara itu, Mazura berkata pihaknya menyambut baik cadangan penambahbaikan dan bersetuju untuk mengambil tindakan bagi mengatasi kelemahan yang ditemui.

Hazrul Shazreen berkata cadangan itu bertujuan untuk memastikan amalan tadbir urus kewangan yang lebih telus, bertanggungjawab dan seragam sekali gus menutup ruang serta peluang amalan rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Di rumah inilah mangsa dibunuh dan diliwat suami kepada pengasuh dalam kejadian pada 27 April lalu. GAMBAR FAIL



BiEy Adawiah

3d · 🌐

Setelah 4 thun aku menunggu keputusan dengan sabar samaada kau bersalah atau tidak hari ini kau dijatuhkan hukuman. Sebelum ni kau tak mengaku kau buat.

Apabila aku dengar DPP bagitahu terdapat kesan air mani di dalam dubur anak aku .YA ALLAH gelap nya dunia .Tergamak kau buat anak aku yang baru 9 bulan.Kau tak layak dipanggil manusia!!! Kau memang Binatang!!!

Kalau tengok hukuman yang dikenakan memang tidak setimpal dengan apa yang dia buat,nk buat macamana negara kita sekarang dah x da hukuman bunuh,hanya

Bunuh, liwat bayi 9 bulan: 'Kau binatang bukan manusia'

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB · 24 November 2025, 4:11 pm

SHAH ALAM – “Kau tak layak dipanggil manusia, tetapi binatang.” Demikian luahan seorang ibu selepas pelaku yang membunuh anak lelakinya berusia sembilan bulan empat tahun lalu dijatuhkan hukuman atas kesalahan meliwat bayi tersebut.

Menerusi hantaran di Facebook, pengguna akaun BiEy Adawiah mengakui berasa kesal dengan tindakan pelakunya iaitu suami kepada pengasuh anaknya yang sanggup melakukan perbuatan terkutuk tersebut.

“Apabila aku dengar DPP (Timbalan Pendakwa Raya) beritahu terdapat kesan air mani di dalam dubur anak aku .Ya Allah gelapnya dunia. Tergamak kau buat anak aku yang baru 9 bulan. Kau tak layak dipanggil manusia! Kau memang Binatang!” katanya.

Wanita itu bagaimanapun bersyukur apabila mahkamah menjatuhkan hukuman penjara dan sebatan terhadap tertuduh yang juga seorang penganggur.

“Setelah empat tahun aku menunggu keputusan dengan sabar sama ada kau bersalah atau tidak, hari ini kau dijatuhkan hukuman. Sebelum ini kau tidak mengaku kau buat. Bermainlah anak di taman syurga. Dunia yang kejam ini bukan tempatmu. Semoga kita berjumpa di sana,” katanya.

Terdahulu, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Aslam Zainuddin memutuskan hukuman penjara 30 tahun dan 13 sebatan ke atas tertuduh, Mohamed Badrudin Mohamed, 40, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan yang dihadapinya.

Bagi kes meliwat, tertuduh dihukum penjara 10 tahun dan satu sebatan, manakala bunuh pula, lelaki itu dipenjarakan selama 30 tahun dan 12 sebatan. Hukuman penjara itu diarah berjalan serentak bermula dari tarikh tangkapan pada 29 April 2021.

Tertuduh didakwa membunuh mangsa di sebuah rumah di Projek Perumahan Rakyat Lembah Subang di sini pada pukul 8 pagi dan 3.30 petang, 27 April 2021. Berdasarkan fakta kes, sampel DNA dan ekstrak air mani tertuduh ditemui di dubur dan usus besar bayi itu.

Hasil bedah siasat oleh Pakar Perubatan Perunding Forensik, Dr. Rohayu Shahar Adnan dari Hospital Sungai Buloh mengesahkan wujud kecederaan akibat objek tumpul pada dubur mangsa. Punca kematiannya akibat ‘smothering’ atau keadaan melemaskan. Analisis DNA mengesahkan kehadiran sel sperma tertuduh pada dubur dan rektum bayi.

Terdapat luka koyak dan lebam yang mungkin disebabkan jari atau zakar, sekali gus mengukuhkan dakwaan penderaan seksual terhadap bayi itu.

Timbalan Pendakwa Raya, Shahrul Ehsan Hasim dalam hujahan pemberatnya memohon hukuman mati ke atas tertuduh kerana menganiaya bayi. Ibu bapa mangsa terpaksa bekerja dan menghantar bayi itu kepada isteri tertuduh untuk dijaga, namun diperlakukan sedemikian kerana nafsu serakah.

“Mangsa yang lemah sepatutnya disayangi dan diberi perhatian, bukannya dianiaya,” katanya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bekas jurulatih wusyu mengaku tak salah amang seksual 2 remaja perempuan

Oleh BERNAMA - November 24, 2025 @ 2:00pm



Foto hiasan.

KUALA LUMPUR: Bekas jurulatih wusyu hari ini mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ampang di sini atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan, empat tahun lalu.

Chia Kian Keow, 49, yang berdepan dua pertuduhan didakwa melakukan perbuatan itu ke atas mangsa yang ketika kejadian masing-masing berusia 14 tahun tujuh bulan dan 15 tahun tiga bulan di sebuah pusat latihan wusyu di Batu Caves pada jam 5.30 petang 16 Mei 2021 dan sekitar Mac 2022.

Dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dibaca bersama Seksyen 16(1) akta sama yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan manakala Seksyen 16(1) memperuntukkan hukuman maksimum penjara lima tahun dan minimum dua sebatan, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Hairuligam Hairuddin memohon jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan serta syarat tambahan tertuduh perlu melaporkan diri di balai polis berhampiran sebulan sekali.

Beliau juga memohon mahkamah mengarahkan tertuduh tidak mengganggu mangsa dan saksi, serta menyerahkan dokumen perjalanan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Peguam Sivahnathan Ragava yang mewakili tertuduh, memohon jaminan RM15,000 bagi kedua-dua pertuduhan.

Beliau berkata anak guamnya menghidap penyakit darah tinggi dan kolesterol, selain perlu menanggung ibunya yang uzur serta memerlukan rawatan di hospital.

"Tertuduh akur dengan arahan polis untuk hadir ke mahkamah serta berjanji akan hadir pada setiap kali sebutan kes dan tidak akan mengganggu mangsa serta saksi," katanya.

Hakim Norshila Kamarudin membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan berserta syarat tambahan yang dimohon pendakwaan.

Beliau menetapkan 24 Disember ini untuk sebutan kes.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Juruteknik diperintah bela diri tunjuk 'anu' pada pelajar sekolah



SYAMILAH ZULKIFLI

Follow

24 November 2025 01:31pm



Seorang juruteknik diperintah membela diri di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas pertuduhan menunjukkan kemaluan kepada kanak-kanak perempuan berusia 14 tahun 6 bulan di perhentian bas sekolah.

SEREMBAN - Seorang juruteknik diperintah membela diri di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas pertuduhan menunjukkan kemaluan kepada kanak-kanak perempuan berusia 14 tahun 6 bulan di perhentian bas sekolah.

Hakim, Datin Surita Budin memutuskan demikian selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh, K.Jason Joshua, 31, di akhir kes pendakwaan.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat selepas mahkamah mendengar keterangan saksi pihak pendakwaan dan mendengar hujahan yang dikemukakan kedua-dua belah pihak berdasarkan penilaian yang menyeluruh.

Mengikut pertuduhan, tertuduh telah melakukan amang seksual bukan fizikal iaitu menunjukkan perbuatan tidak senonoh ke atas kanak-kanak perempuan berusia 14 tahun 6 bulan.

Kesalahan terbabit dilakukan lebih kurang jam 4.15 petang di perhentian bas sebuah sekolah di Port Dickson pada 25 Oktober 2023.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 15(a)(i) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dipenjara maksimum 10 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya.

Mahkamah memberi tiga pilihan kepada tertuduh untuk membela diri sama ada tertuduh memberi keterangan secara tidak bersumpah, bersumpah atau berdiam diri.

Tertuduh kemudian memilih memberi keterangan secara bersumpah dan peguamnya, Rajindar Singh memaklumkan pihak pembelaan menawarkan tiga saksi.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Balkis Zunaidi.